

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pencarum mengeluarkan simpanan KWSP untuk melunaskan pinjaman PTPTN dari tahun 2009 sehingga Oktober 2016.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pencarum boleh membuat pengeluaran menyelesaikan baki pinjaman pendidikan kepada pemberi pinjaman termasuk PTPTN tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran yang ditetapkan. Ahli layak membuat pengeluaran pada bila-bila masa tertakluk kepada jumlah baki pinjaman pendidikan atau semua Akaun 2 mengikut mana yang lebih rendah. Berikut adalah statistik pencarum yang telah mengeluarkan

simpanan KWSP untuk melunaskan pinjaman PTPTN mengikut tahun dari tahun 2009 hingga 6 Oktober 2016 :

Tahun	Bilangan Pencarum	RM
2009	690	4,240,409.00
2010	2,397	15,559,157.05
2011	3,452	22,297,222.05
2012	3,781	25,855,842.64
2013	5,051	46,194,913.23
2014	4,953	42,960,289.40
2015	26,568	209,226,152.21
2016 (Setakat 6/10/2016)	98,785	683,329,202.14